

RON97 naik 11 sen, RON95, diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 bagi tempoh 29 Jun hingga 5 Julai ini, naik 11 sen kepada RM2.49 seliter, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal RM2.08 dan RM2.18 seliter mulai tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan memaklumkan, berdasarkan pengiraan mengikut formula Mekanis-

me Penetapan Harga Automatik (APM), harga runcit RON95 dan diesel bagi tempoh sama, masing-masing sepatutnya RM2.19 seliter dan RM2.28 seliter.

Kurangkan kos hidup rakyat

“Namun, harga runcit kedua-dua produk dikekalkan selaras keputusan kerajaan untuk menstabil-

kan harga runcit produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat,” kata kementerian itu dalam satu kenyataan, semalam.

Kata kenyataan itu lagi, anggaran subsidi perlu ditanggung kerajaan bagi tempoh 29 Jun sehingga 5 Julai adalah RM75.16 juta.

